



**KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
MALAYSIA**

SIARAN MEDIA

**AMANAT TAHUN BAHARU 2026
YAB PERDANA MENTERI**

1. Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menyatakan sokongan penuh terhadap pengumuman YAB Perdana Menteri sempena Ucapan Amanat Tahun Baharu 2026, khususnya langkah-langkah strategik Kerajaan dalam memperkukuhkan sektor ekonomi rakyat yang inklusif, berdaya tahan dan mampan, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.
2. KPK menyambut baik pendekatan Kerajaan berhubung pengecualian cukai jualan (0%) ke atas input pertanian tertentu termasuk baja, racun serangga dan input industri makanan ternakan yang bertujuan mengurangkan kos pengeluaran. Langkah ini amat signifikan kepada Sektor Agrikomoditi Negara yang bergantung kepada kestabilan kos input bagi memastikan produktiviti, daya saing dan keterjaminan rantai bekalan terutamanya dalam kalangan pekebun kecil dan pengeluar berskala sederhana.
3. KPK berpandangan bahawa pendekatan bersasar ini mencerminkan komitmen Kerajaan dalam menangani tekanan kos sara hidup dan kos pengeluaran secara menyeluruh di samping memastikan sokongan fiskal diberikan secara berhemah dan berfokus kepada sektor-sektor strategik yang menyumbang kepada pendapatan luar bandar dan pertumbuhan ekonomi negara.
4. Selaras dengan itu, KPK turut menyokong penekanan Kerajaan terhadap pemerkasaan pendapatan dan kebajikan pekebun kecil termasuk melalui pelaksanaan inisiatif perlindungan sosial dan bantuan bersasar seperti Sumbangan Asas Rahmah (SARA), Sumbangan Tunai Rahmah (STR) serta Jualan Rahmah MADANI dan jualan agro-MADANI. Inisiatif-inisiatif ini memberi kesan langsung kepada sebahagian besar komuniti pekebun kecil agrikomoditi yang majoritinya berada di kawasan luar bandar dan merupakan tulang belakang pengeluaran komoditi negara.
5. Dalam konteks pembangunan ekonomi, KPK turut menyambut baik penekanan YAB Perdana Menteri terhadap pengukuhan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) termasuk penyediaan kemudahan pembiayaan, jaminan kredit dan sokongan institusi bagi memperkukuhkan ekosistem perniagaan serta menggalakkan pertumbuhan. Seajar dengan Dasar Agrikomoditi Negara 2021–2030 (DAKN2030), PMKS memainkan peranan penting dalam rantai nilai Sektor Agrikomoditi khususnya di peringkat pertengahan dan hiliran melalui aktiviti pemprosesan serta penghasilan produk bernilai tambah. Langkah ini diyakini dapat menyokong peningkatan nilai tambah, peluasan peluang pekerjaan serta pengukuhan akses pasaran dan eksport Sektor Agrikomoditi.

6. Dalam aspek tadbir urus dan pematuhan, KPK menyokong pendekatan pragmatik Kerajaan berhubung pelaksanaan digitalisasi dan pematuhan cukai termasuk pemberian tempoh peralihan tanpa penalti bagi pelaksanaan e-Invois. Pendekatan ini mengambil kira tahap kesiapsiagaan industri, kos pematuhan serta cabaran transformasi digital yang dihadapi oleh pemain Sektor Agrikomoditi. KPK komited untuk terus bekerjasama dengan Kementerian Kewangan, agensi pelaksana dan pemegang taruh industri bagi memastikan pelaksanaan langkah-langkah digitalisasi ini dapat dilaksanakan secara inklusif dan berkesan, tanpa menjejaskan kelangsungan perniagaan dan pendapatan pengusaha agrikomoditi.

7. Sebagai kementerian yang menerajui pembangunan Sektor Agrikomoditi Negara, KPK akan terus memainkan peranan aktif dalam menterjemahkan dasar dan pengumuman Kerajaan kepada program dan inisiatif yang berimpak tinggi, berfokus kepada peningkatan produktiviti, kemampanan alam sekitar, kebajikan rakyat serta daya saing industri di peringkat domestik dan antarabangsa. Kementerian yakin bahawa langkah-langkah yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri ini akan memperkukuhkan ekosistem Sektor Agrikomoditi negara secara holistik, seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang inklusif, pengagihan kekayaan yang lebih adil dan kesejahteraan rakyat Malaysia secara keseluruhan.

KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
6 JANUARI 2026